



## FINAL EXAMINATION

### MARCH 2023

---

COURSE TITLE

PENGAJIAN MORAL

COURSE CODE

MPU1322

DATE/DAY

20 JUNE 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION

02:00 PM - 04:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 9 Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***

**BAHAGIAN A**

**(30 Markah)**

Bahagian ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan aneka pilihan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan dalam kertas OMR yang disediakan.

1. \_\_\_\_\_ merupakan program terbaik untuk merealisasikan dan menghidupkan matlamat Pendidikan Moral dalam kalangan mahasiswa/i.
  - A. Lawatan Sambil Belajar
  - B. Seminar Pengajian Moral
  - C. Khidmat Masyarakat
  - D. Dialog Antara Agama
  
2. Sebagai persediaan menjalankan kerja amal, terdapat beberapa perkara yang perlu dikenal pasti iaitu:
  - I. Tempat
  - II. Golongan Sasar
  - III. Anggaran Perbelanjaan
  - IV. Refleksi
  - A. I, II dan III
  - B. II, III dan IV
  - C. I, II dan IV
  - D. Semua di atas
  
3. Insan yang bermoral merujuk kepada seseorang individu yang boleh \_\_\_\_\_.
  - I. membuat pertimbangan moral
  - II. mempunyai perasaan bermoral
  - III. membuat penaakulan moral
  - IV. bertingkah laku moral
  - A. I, II dan III
  - B. II, III dan IV
  - C. I, II dan IV
  - D. semua di atas

4. Rukun Negara yang ke-\_\_\_\_\_ menegaskan kepentingan hidup bermoral dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.
- A. 2  
B. 4  
C. 5  
D. 6
5. Perkataan 'moral' berasal daripada Bahasa Latin, manakala perkataan 'etika' berasal daripada Bahasa Greek yang ada kesamaan dalam membawa maksud \_\_\_\_\_.
- A. gaya  
B. cara  
C. rasa  
D. hidup
6. Moral di Barat dan moral di Malaysia tidak boleh dibandingkan kerana \_\_\_\_\_.
- I. budaya hidup yang berbeza  
II. nilai individu dan nilai kekeluargaan yang berbeza  
III. tahap sosial yang berbeza  
IV. agama dan kepercayaan yang berbeza
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
7. Etika kerja profesion perlu diutamakan dalam kerja demi kebaikan \_\_\_\_\_.
- A. kerajaan tempatan  
B. masyarakat setempat  
C. diri sendiri  
D. profession tersebut

8. Satu konsep utama standard hidup masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu hidup bersama di bawah nilai yang\_\_\_\_\_.
- A. ditetapkan
  - B. diagihkan
  - C. dikongsikan
  - D. diasangkan
9. Nilai dari aspek kognitif bererti bagaimana\_\_\_\_\_ mempengaruhi kemoralan kita.
- A. perasaan
  - B. pemikiran
  - C. perlakuan
  - D. pertuturan
10. Fatimah ingin berkahwin dengan Ahmad kerana Ahmad merupakan seorang remaja yang bertanggungjawab dan Fatimah mahu mempunyai teman yang bertanggungjawab. Fatimah dalam hal ini dikatakan mempunyai nilai\_\_\_\_\_.
- A. instrumental
  - B. intrinsik
  - C. subjektif
  - D. objektif
11. Nilai disusun mengikut keutamaan ialah ciri utama bagi strategi\_\_\_\_\_.
- A. Theory of Constraints (TOC).
  - B. Pembinaan Hierarki
  - C. Pencairan
  - D. Kompromi
12. Perbezaan utama dalam TOC awan dengan strategi kompromi ialah\_\_\_\_\_.
- A. dari segi kepuasan diri
  - B. dari segi keseriusan konflik moral
  - C. dari aspek kematangan berfikir
  - D. semua di atas

13. Di antara sebab berlakunya konflik moral ialah \_\_\_\_\_.

- I. perbezaan pendapat
  - II. persamaan cita rasa
  - III. perbezaan budaya
  - IV. persamaan agama
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I dan III
  - D. I, II dan III

14. \_\_\_\_\_ merupakan perkakas pemikiran yang menganalisa ciri-ciri konflik moral, tindakan atau keputusan bermakna yang boleh diambil dan menguntungkan pihak-pihak yang berkonflik.

- A. Pokok
- B. Awan
- C. Dahan
- D. Kompromi

15. Dimensi dalam seseorang agen moral merujuk kepada berikut, KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. penaakulan moral
- B. penarikan moral
- C. perasaan moral
- D. perlakuan moral

16. Berikut ialah teori-teori etika KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. Teori Teleologikal
- B. Teori Kemoralan Sosial
- C. Teori Deontologikal
- D. Teori Keperibadian Dunia

17. Sistem standard moral dalam masyarakat mengenal pasti keadaan di mana \_\_\_\_\_ mengelakkan mementingkan diri sendiri untuk mengutamakan satu sistem perlakuan yang membawa \_\_\_\_\_ kepada orang lain.
- A. individu, kebaikan
  - B. masyarakat, kebaikan
  - C. orang lain, keburukan
  - D. pemimpin, kebaikan
18. Berikut merupakan ciri-ciri Teori Teleologikal, KECUALI \_\_\_\_\_.
- A. kesan daripada tindakan dipentingkan
  - B. tanggungjawab dilaksanakan kerana tanggungjawab
  - C. betul dan salah bergantung kepada akibat sesuatu perbuatan
  - D. baik atau buruk sesuatu tindakan dikaji daripada pelbagai perspektif
19. \_\_\_\_\_ menyarankan bahawa sesuatu nilai itu baik jika menguntungkan diri sendiri dan nilai buruk jika merugikan diri sendiri.
- A. Hedonistik
  - B. Egoisme
  - C. Individualistik
  - D. Utilitarianisme
20. Menurut prinsip Eksistensialisme, nilai baik atau buruk mestilah berdasarkan kepada \_\_\_\_\_ individu yang bebas.
- A. pilihan
  - B. tindakan
  - C. keputusan
  - D. keinginan
21. Seruan semua agama ialah melakukan kebaikan dan menghindari diri daripada pemikiran, perasaan dan \_\_\_\_\_ yang buruk.
- A. perbuatan
  - B. prasangka
  - C. penglihatan
  - D. penyataan

22. Berikut adalah hubungan sesama manusia yang diutamakan oleh Confucius, KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. suami dengan isteri
- B. anak dengan ayah
- C. pemimpin dengan rakyat
- D. pekerja dengan majikan

23. Hukum \_\_\_\_\_ yang dipercayai oleh penganut Hindu membawa erti bahawa kehidupan mereka sekarang disebabkan oleh perbuatan yang lepas.

- A. khalsa
- B. karma
- C. japna
- D. simran

24. Berikut merupakan ciri-ciri pendidikan akhlak dalam Islam KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. Umat Islam perlu menjaga hubungan baik dengan Allah
- B. Umat Islam tidak perlu menjaga hubungan baiknya dengan pokok bunga
- C. Panduan bagi keseluruhan pendidikan akhlak dalam Islam adalah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah
- D. Umat Islam mesti menjaga hubungan baik dengan orang bukan Islam

25. Jalan Lapan Lapis telah diperkenalkan oleh \_\_\_\_\_ sebagai penyelesaian menamatkan kesengsaraan dalam kehidupan dunia.

- A. Lao Tze
- B. Confucius
- C. Guru Nanak
- D. Buddha

26. Dalam usaha menangani masalah disiplin di sekolah, para pelajar perlu difokuskan kepada \_\_\_\_\_.

- I. ibu bapa
  - II. sekolah
  - III. pihak polis
  - IV. pengawal keselamatan
- A. I, II
  - B. I, II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas

27. Penyalahgunaan dadah memudaratkan diri sendiri dan keluarga dari segi \_\_\_\_\_.

- I. psikologi
  - II. fizikal
  - III. rohani
  - V. mental
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas

28. Berikut merupakan faktor-faktor yang membawa kepada penyalahgunaan dadah, KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. tiada kemesraan antara anak dengan ibu bapa
- B. kurang pengetahuan tentang bahaya dadah yang dihisap
- C. mencari ketenangan jiwa dengan mendekatkan diri kepada Tuhan
- D. pengaruh rakan-rakan yang telah terlibat dengan najis dadah

29. Seseorang yang ketagihan alkohol akan \_\_\_\_\_.  
I. mengubah persepsi  
II. menjadi mabuk jika tahap alkohol meningkat  
III. berkelakuan baik dan sopan  
IV. melakukan keganasan kepada anggota keluarga  
A. I, II dan III  
B. I, II dan IV  
C. II, III dan IV  
D. Semua di atas
30. Berikut merupakan kenyataan yang benar berhubung seks sebelum berkahwin, iaitu:  
I. merupakan kesalahan di sisi undang-undang  
II. tidak diterima oleh norma masyarakat Malaysia  
III. memberikan pengalaman tentang dunia perkahwinan  
IV. dibolehkan bagi mereka yang tidak mampu untuk mendirikan rumah tangga  
A. I, II  
B. I, II dan III  
C. I, II dan IV  
D. I, II, III dan IV

\*\*\* KERTAS SOALAN TAMAT \*\*\*